



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 3 JULAI 2023**

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KELAS PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK
SH/ SUKNS/ BIL.11/ 2023	Kerja-Kerja Menaiktaraf Surau Utama (Lelaki/Perempuan) Tingkat 3, Blok A Dan C Di Bangunan Wisma Negeri Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan PERINGATAN : Lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	Kelas : G1 Kategori : B Pengkhususan: B04 & B24	RM50.00	Tarikh: 6 Julai 2023 (Khamis) Masa: 9.00 pagi Tempat: Dewan Theatrette, Tingkat G, Blok D, Wisma Negeri

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **6 Julai 2023 (selepas sesi taklimat / lawatan tapak) hingga 12 Julai 2023 pada waktu pejabat (9.00am – 4.00pm)** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen sebut harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 13 Julai 2023 (Khamis).** Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai sebut harga ini, boleh menghubungi Unit Kewangan di talian berikut **06-760 2045 / 06-765 9917.**